

36 | setempat | 13-03-2017

“Pada 2015, jumlah perolehan terkumpul ialah sebanyak RM338.9 juta manakala sehingga Jun 2016, sebanyak RM245.1 juta dicatatkan
Datuk Abdul Fattah Abdullah



HARIAN METRO

Helmy Abd Rahman
helmy_rahman@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Pertaruh 50 koperasi sekolah

■ Perolehan dijangka melebihi RM1 juta menjelang 2020

Angkatan Koperasi Ke-bangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) yakin 50 koperasi sekolah di negara ini mampu mengutamakan perolehan melebihi RM1 juta setahun menjelang 2020.

FAKTA
300 koperasi sekolah mencatatkan perolehan melebihi RM500,000 setahun.

Presidennya Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sasaran realistik itu berikutan ketika ini, 300 koperasi sekolah mencatatkan perolehan melebihi RM500,000 setahun.

menjelang 2020. Presidennya Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sasaran realistik itu berikutan ketika ini, 300 koperasi sekolah mencatatkan perolehan melebihi RM500,000 setahun.

Beliau berkata, pihaknya juga mengunjurkan sebanyak 2,349 koperasi sekolah merekodkan perolehan terkumpul sebanyak RM500 juta menjelang akhir tahun ini.

“Pada 2015, jumlah perolehan terkumpul ialah sebanyak RM338.9 juta manakala sehingga Jun 2016,

sebanyak RM245.1 juta dicatatkan.

“Ketika ini, sudah ada sebanyak 2,349 koperasi sekolah dan angka ini bertambah dengan wujudnya sekolah-sekolah baru dan setiap satunya akan ada koperasi sendiri,” katanya selepas merasmikan Program Sesi Dialog Mengenai Pembangunan Perniagaan Koperasi Sekolah Negeri Melaka 2017, di sini, semalam.

Abdul Fattah juga mendaangkan kantin sekolah dilantik terus di bawah se liaan koperasi sekolah.

“Koperasi sekolah boleh buat usaha sama dengan kantin sekolah supaya tidak bertembung kepentingan.

Sekarang ini pun ada kantin diuruskan koperasi iaitu di Negeri Sembilan, Kelantan dan Terengganu.

“Langkah ini juga dapat menjadi sumber pembiayaan kepada program di sekolah sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada dana disediakan kerajaan,” katanya.

